

## Sambungan Tatacara pemberian susu

- 7 Pastikan syringe 50ml tersebut tidak kosong bagi memastikan udara dari luar tidak masuk ke dalam perut yang boleh menyebabkan kekembungan.
- 8 Bilas tiub nasogastrik bagi mengelakkan tersumbat dengan memasukkan air suam pada akhir feeding 25ml–30ml.
- 9 Tutupkan semula tiub nasogastrik setelah selesai memberi susu dan cuci peralatan dan syringe yang digunakan sehingga kering.

## PEMBERIAN UBAT-UBATAN

- 1 Gunakan ubat-ubatan berbentuk cecair sahaja (sekiranya ubat dalam bentuk tablet atau capsule hendaklah dilarutkan dahulu).
- 2 Berikan 30ml air suam sebelum memberi ubat-ubatan.
- 3 Ubat cecair atau ubat yang dilarutkan disedut masuk ke dalam syringe dan diberikan melalui tiub Nasogastrik
- 4 Berikan 30ml air suam lagi untuk membersihkan tiub Nasogastrik selepas ubat diberi.

Dapatkan bantuan anggota perubatan atau bawa pesakit ke Jabatan Kecemasan segera jika:


- » Mengalami kesukaran bernafas atau tercekik semasa melakukan pemberian susu atau ubatan
- » Tiub Nasogastrik tersumbat
- » Tiub Nasogastrik terkeluar daripada kedudukannya.
- » Pesakit mengalami cirit- birit, sembelit, loya atau demam yang melebihi sehari

## Penjagaan Mulut dan Tiub Nasogastrik

- » Bersihkan mulut pesakit 2 kali sehari dengan menggunakan berus gigi atau dental floss
- » Gunakan tuala lembap untuk membersihkan lidah pesakit
- » Gunakan putik kapas yang lembap bagi membersihkan tiub nasogastrik yang berada dekat dengan hidung
- » Tiub nasogastrik dibilas dengan menggunakan air suam setiap kali selepas pemberian makanan/ ubat bagi mengelak daripada tersumbat.
- » Pastikan tiub nasogastrik berada di dalam perut sebelum memberi makan

# PENJAGAAN PESAKIT TERLANTAR

# PENJAGAAN TIUB NASOGASTRIK




**KLINIK PAKAR PERUBATAN REHABILITASI**  
**HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG**

Tel : 3375 7000 samb. 1540



## TIUB NASOGASTRIK/ “RYLE’S TUBE”

Tiub Nasogastrik (tiub NG) / “Ryle’s tube” dimasukkan melalui hidung pesakit ke bahagian perut untuk memudahkan pemberian makanan, air dan ubat-ubatan. Ini biasanya dilakukan sekiranya pesakit mempunyai masalah menelan. Tiub ini di masukkan untuk mengelak risiko makanan masuk ke dalam paru-paru atau “aspiration”.



## Pemberian Pemakanan Melalui Tiub Nasogastrik


### Peralatan :

- Syringe 10 ml
- Syringe 50 ml
- Cawan/bikar sukatan
- Susu (enteral formula)
- Air suam
- Ubat-ubatan



### TATACARA PEMBERIAN SUSU

- 1 Cuci tangan sebelum pemberian
- 2 Dudukkan pesakit dalam keadaan tegak 45 darjah – 90 darjah dan kekal selama 30-60 minit selepas pemberian susu (enteral formula)



- 3 Periksa “gastric aspirate” setiap kali sebelum pemberian susu dengan menggunakan syringe 10ml.
  - a Jika < 150ml, teruskan pemberian susu
  - b Jika > 150ml, untuk kali pertama, rehatkan perut selama 1–2jam, kemudian teruskan pemberian susu
  - c Jika > 150ml, secara konsisten (melebihi 2 kali), sila kurangkan jumlah isipadu bancuhan susu berbanding isipadu yang sebelumnya
- 4 Keluarkan syringe 10 ml tadi, dan sambungkan dengan syringe 50 ml tanpa piston (plunger). Lipat kan tiub nasogastrik bagi mengelakkan udara masuk ke perut.
- 5 Alirkan 20ml–30ml air kedalam tiub untuk mengelakkan drpd tersumbat :
  - a Sebelum dan selepas pemberian susu (enteral formula).
  - b Sebelum dan selepas pemberian ubat.
- 6 Tuangkan susu yang telah dibancuh mengikut preskripsi pegawai dietetik, Lepaskan lipatan dan benarkan aliran susu ke dalam perut